

MIARYL TABLET

Glimepiride (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini :

1. Apakah kegunaan Miaryl
2. Bagaimana Miary berfungsi
3. Sebelum mengambil Miary
4. Cara menggunakan Miaryl
5. Semasa menggunakan Miaryl
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Miaryl
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tablet Miaryl

Miaryl tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai ubat antidiabetik oral Generasi Ketiga yang membantu mengawal kandungan gula dalam darah.

Miaryl digunakan untuk mengawal kandungan gula dalam darah dan untuk merawat Diabetes Mellitus diabetes tidak bersandar insulin (Jenis II) apabila diet, senaman fizikal dan pengurangan berat badan tidak mampu mengawal kandungan gula dalam darah pesakit.

Miaryl boleh digunakan bersama dengan ubat antidiabetic lain yang mengandungi metformin atau dengan insulin. Tahap glukosa dalam darah dapat dikawal selama hampir 24 jam dengan satu dos Miaryl.

Bagaimana Miaryl berfungsi

Bahan aktif dalam tablet Miaryl adalah glimepiride. Miaryl tergolong dalam kumpulan ubat dipanggil sulfonilureas. Ubat ini menggalakkan pankreas untuk menghasilkan lebih banyak insulin. Insulin merendahkan tahap gula dalam darah anda.

Sebelum mengambil Miaryl *Bila tidak boleh mengambil*

- Jangan mengambil Miaryl jika anda adalah hipersensitif terhadap Glimepiride, ubat sulfonilureas yang lain (ubat untuk menurunkan gula darah seperti glibenclamide), sulfonamides (ubat untuk jangkitan bakteria seperti sulfamethoxazole) atau mana-mana bahan-bahan tablet Miaryl lain.

- Jika anda mempunyai diabetes bersandar insulin [Diabetes mellitus (Jenis I)]

- Jika anda mempunyai diabetes ketoasidosis (komplikasi penyakit diabetes apabila paras asid meningkat di dalam badan anda dan anda mungkin mempunyai beberapa tanda-tanda berikut: keletihan, rasa sakit (loya), kerap membuang air kecil dan kekakuan otot)

- Jika anda berada dalam keadaan koma diabetis.

- Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang serius.

- Jika anda mempunyai penyakit hati yang serius

- Miaryl tidak boleh digunakan jika anda hamil atau merancang untuk mengandungi.

- Miaryl tidak boleh diambil semasa menyusukan anak kerana ia boleh meresap masuk kedalam susu badan dan membahayakan bayi. Peralihan kepada insulin adalah perlu.

Sebelum mula mengambil

Untuk mencapai kawalan optimum gula darah, diet yang betul, senaman fizikal yang tetap dan mencukupi, dan jika perlu, pengurangan berat badan adalah sama pentingnya dengan pengambilan Miaryl.

Tanda-tanda klinikal hiperglisemia termasuk peningkatan kekerapan kencing, dahaga sengit, kekeringan mulut dan kulit kering. Beritahu doktor anda jika anda mengalami mana-mana tanda ini.

Semasa rawatan dengan Miaryl, paras glukosa dalam darah dan air kencing perlu diperiksa secara berkala. Hypo atau hyperglycaemia boleh menjejaskan kepekaan dan tindak balas seseorang. Ini boleh berlaku pada permulaan rawatan dengan Miaryl, selepas mengubah rawatan atau apabila Miaryl tidak diambil secara teratur.

Jika mengambil ubat-ubat lain
Tanya doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil, sedang mengambil atau telah mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk produk *over the-counter*.

- Elakkan meminum alkohol semasa anda sedang mengambil ubat ini.

- Terdapat pelbagai jenis ubat yang boleh berinteraksi dengan Miaryl dan mengubah cara ubat tersebut berfungsi. Antaranya ialah acetylsalicylic acid seperti Aspirin, ubat "sulfa", warfarin dan "beta-blockers".

- Sesetengah ubat boleh menjadikan lebih sukar bagi anda untuk mengawal diabetes anda. Antaranya ialah perencat ACE (ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi ; diuretik (pil air), kortikosteroid (seperti prednisone), pil kawalan kelahiran dan beberapa jenis ubat selsema dan alahan pada ubat.

Pastikan doktor dan ahli farmasi anda tahu jika anda

MIARYL TABLET

Glimepiride (2mg)

mengambil ubat tersebut atau mana-mana ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Miaryl

Berapa banyak harus digunakan

Dos untuk pengambilan Miaryl bergantung kepada keperluan anda, keadaan dan keputusan ujian gula dalam darah dan air kencing, dan ia juga akan ditentukan oleh doktor anda.

Doktor akan beritahu berapa banyak tablet yang perlu diambil setiap hari. Jika anda tersalah ambil dos, Miaryl mungkin tidak dapat berfungsi dengan baik dan keadaan kesihatan anda mungkin tidak bertambah baik.

Bergantung pada kandungan gula dalam darah anda, doktor mungkin akan menambah atau mengurangkan dos. Kebiasaannya, dos permulaan ialah setengah tablet Miaryl, 1mg, sekali, sehari. Dos tersebut mungkin dinaikkan secara beransur-ansur sehingga berjumlah 1- 4mg sehari.

Bila perlu digunakan

Ambil Miaryl pada waktu yang sama setiap hari.

Mengambil ubat pada waktu yang sama setiap hari akan memberikan kesan yang terbaik. Ia juga membuatkan anda senang ingat waktu untuk makan ubat.

Ambil ubat ini sebelum atau ketika anda mengambil makanan kali pertama pada hari tersebut, contohnya ketika sarapan pagi. Jika sarapan pagi anda sangat ringan, anda mungkin perlu mengambil ubat ini ketika makan tengahari. Jangan langkau waktu makan ketika mengambil Miaryl

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat ini selama yang diarahkan doktor. Ubat ini hanya membantu mengawal keadaan kesihatan

anda, bukan mengubatinya. Dengan itu, adalah penting untuk meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda rasa anda telah sihat. Gunakan Miaryl seperti yang dinasihati oleh doctor untuk mendapatkan faedah yang paling baik.

Dapatkan preskripsi anda diisi semula sebelum anda kehabisan ubat sepenuhnya.

Jika anda terlupa untuk mengambil Miaryl

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil dos yang tertinggal itu seberapa segera yang boleh.

Langkau dos yang tertinggal, jika ia hampir masa untuk dos yang berikutnya.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebihan Miaryl boleh menyebabkan hipoglisemia yang teruk yang boleh mengancam nyawa dan mungkin memerlukan rawatan di hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Simptom terlebih dos termasuklah simptom hypoglycemia (rendah gula dalam darah) seperti:

- Lemah, menggeletar, menggigil atau berpeluh
- Pening kepala, sakit kepala, atau kurang daya tumpuan
- Air mata mengalir, menangis, ketidakselesaan
- Rasa lapar
- Rasa kebas dibahagian bibir, lidah
- Hilang kawalan atau keliru
- Pitam atau sawan.
- Percakapan menjadi perlahan, lambat atau meleret (slurred speech)

Dos berlebihan yang sangat ketara dengan reaksi yang

teruk adalah satu kecemasan perubatan yang memerlukan rawatan segera dan dimasukkan hospital.

Antara produk ubat yang digunakan untuk merawat paras gula darah rendah yang serius ialah Glucagon (secara intramuscular / subkutaneus) atau larutan glukosa pekat (secara suntikan intravena); detoksifikasi dengan penggunaan lavaj gastrik dan arang aktif.

Individu yang tidak sedarkan diri tidak boleh diberi makan atau minum.

Episod ringan hipoglisemia biasanya boleh dirawat dengan mengambil gula seperti satu kiub kecil gula, jus manis, teh manis dan sebagainya.

Pelarasan dos, cara pemakanan atau aktiviti fizikal mungkin diperlukan.

Semasa menggunakan Miaryl:

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu kepada doktor anda jika kandungan glukosa dalam darah rendah (hipoglisemia):

Jika gula dalam darah anda semakin rendah, anda mungkin berasa goyah, lemah, keliru, mengantuk atau sangat lapar, anda boleh berpeluh atau mempunyai penglihatan yang kabur, degupan jantung yang pantas, masalah menumpukan perhatian, atau sakit kepala yang tidak hilang-hilang, tanda-tanda hipoglisemia yang serius termasuk kekeliruan, kehilangan kesedaran dan sawan.

Anda mungkin mengalami glukosa dalam darah yang rendah semasa anda mengambil Miaryl, terutamanya jika anda tertinggal masa makan, bersenam bagi masa yang lama, minum alkohol atau

MIARYL TABLET

Glimepiride (2mg)

menggunakan ubat antidiabetik lain dengan Miaryl

Merawat hipoglisemia:

Dalam kebanyakan kes

Symptom-symptom paras gula yang rendah dalam darah hilang dengan cepat apabila anda mengambil beberapa bentuk gula, contohnya kiub gula, jus manis, teh manis. Dengan itu anda perlu sentiasa mengambil beberapa bentuk gula dengan anda (seperti kiub gula). Ingat bahawa pemanis tiruan tidak berkesan. Sila hubungi doktor anda atau pergi ke hospital jika pengambilan gula tidak membantu atau simptom berulang.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun gejala mereka seolah-olah serupa dengan anda.

Jangan berhenti mengambil ubat atau mengubah dos sebelum mendapatkan nasihat doktor.

Jangan hancurkan atau kunyah tablet ini. Telan ubat seluruhnya dengan segelas air. Jangan langkau waktu makan ketika mengambil Miaryl.

Jangan minum arak/alkohol kerana pengambilan arak boleh meningkatkan atau mengurangkan tindakan pengurangan gula darah oleh Miaryl secara yang tidak dijangka.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Keupayaan anda untuk menumpukan perhatian atau bertindak balas boleh terjejas akibat penurunan (hipoglycaemia) atau peningkatan (hiperglycaemia) paras gula dalam darah atau jika anda mengalami masalah penglihatan akibat keadaan ini.

Perlu diingat, anda boleh membahayakan diri anda atau orang lain.

Sila tanya doktor anda sama ada anda boleh memandu kereta atau menggunakan mesin jika anda:

- Mempunyai episod kekurangan gula dalam darah yang kerap
- Kurang atau tiada langsung mengalami tanda-tanda atau simptom hipoglisemia.

Kesan-kesan sampingan

Sebagaimana ubat-ubatan lain, Miaryl juga boleh menyebabkan kesan sampingan. Ia mungkin, memberi kesan yang berbeza kepada orang yang berlainan. Hanya kerana kesan-kesan sampingan berlaku pada orang lain tidak bermakna anda akan mendapatnya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika perkara di bawah berlaku dan merunsingkan anda:

- Perut beragam, termasuk loya dan muntah-muntah.
- Sakit bahagian perut atau perut tidak selesa, cirit-birit.
- Masalah mata, termasuk pandangan kabur dan berbayang.

Kesan sampingan ini kebanyakannya adalah kesan sampingan yang ringan dan bersifat sementara.

Beritahu doktor dengan segera jika perkara ini berlaku:

- Kulit dan mata kekuningan (jaundis)
- Tanda-tanda anemia, seperti keletihan, sesak nafas dan pucat
- Tanda-tanda jangkitan yang kerap seperti demam, menggigil, sakit tekak dan ulser mulut.
- Lebih senang berdarah atau lebam dari kebiasaan, muncul tompok-tompok merah atau keunguan pada bawah kulit.

- Simptom kulit terbakar seperti kemerahan, gatal, bengkak dan melepuh yang lebih senang berlaku berbanding kebiasaan.

Senarai di atas termasuklah kesan sampingan yang memerlukan rawatan doktor.

Kesan sampingan yang serius, jarang berlaku. Jika mana-mana perkara di bawah berlaku, sila hubungi doktor anda dengan segera atau segera ke Jabatan Kecemasan di hospital yang berdekatan:

- Reaksi kulit seperti kegatalan, kemerahan, atau ruam gatal (hives) seperti ruam atau tanda tompok-tompok.
- Sesak nafas
- Susah bernafas atau nafas berbunyi (wheezing)
- Bengkak pada muka, bibir, lidah dan bahagian lain pada badan.

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang sangat serius. Jika ini berlaku, anda memerlukan rawatan dengan segera dan perlu dimasukkan ke hospital.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika terdapat perkara lain yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Miaryl:

Penyimpanan:

Simpan dalam bekas yang ketat pada suhu yang tidak melebihi 25°C.

MIARYL TABLET

Glimepiride (2mg)

Pastikan ubat tidak dapat dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak

Jangan gunakan Miaryl selepas tamat tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isian rumah. Tanya pada ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubatan yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat Lanjut

Rupa dan Warna Produk

Miaryl berwarna hijau kekelabuan berbentuk segi empat tepat.

Bahan aktif

Glimepiride 2mg

Bahan kandungan lain

Sodium starch glycollate, Lactose, Povidone, Magnesium stearate, Microcrystalline cellulose.

Ejen pewarna

Ferric Oxide (Kuning)

Blue No.1(Brilliant Blue FCF)

Nombor MAL

MAL06041483A

Pengilang

Jin Yang Pharmaceutical Co.
Ltd.,649 -3, Choji-dong,
Ansan-Si, Kyunggi-do, Korea.

Pengimport / Penedar / Pemegang Pendaftaran Produk

Propharm (M) Sdn Bhd
640-A, 4th Mile Ipoh Road,
51200, Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini

RiMUP

29hb Oktober 2013